

PM: Henti tindas rakyat Bosnia

U.M 22 OCT 1993

NICOSIA (CYPRUS) 21 Okt. — **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** menggesa negara-negara Komanwel bersatu membantu menamatkan penindasan ke atas rakyat Bosnia-Herzegovina jika pertubuhan itu mahu berdiri megah sebagai pendokong kuat hak asasi manusia.

Perdana Menteri berkata, Komanwel mesti mencari jalan penyelesaian yang sewajarnya kepada krisis tersebut kerana apa yang menimpa rakyat Bosnia sudah terlalu jauh mencabuli hak asasi manusia.

Peranan dan tanggungjawab tersebut, kata beliau perlu digerakkan oleh Komanwel atas sifatnya yang mendokong kuat terhadap perlindungan demokrasi dan hak asasi manusia sebagaimana yang dilaung-laungkan menerusi Deklarasi Harare pada tahun 1991.

Perdana Menteri menarik perhatian, kalau Komanwel boleh bersatu mengenakan tekanan ke atas pemerintahan kulit putih Afrika Selatan bagi meruntuhkan tembok da-

overseas trips -
sar apartheid mengapa tidak, tindakan yang sama diambil dalam mencari penyelesaian di Bosnia.

Serentak dengan itu, beliau mengkritik kalangan negara anggota yang bertindak lebih jauh bila berlaku keganasan hak asasi manusia sehingga campur tangan dalam urusan sesebuah negara.

"Sedangkan di Bosnia-Herzegovina, yang menghadapi penghapusan etnik melibatkan pembunuhan kejam dan perbuatan rogol penduduk Islam oleh Serb Bosnia yang dibantu oleh kerajaan Serb, negara berkenaan tidak menghiraukan sama sekali.

"Malah orang-orang Serb hendak diberikan wilayah setelah mereka melakukan penghapusan etnik," katanya dalam ucapan pada majlis perasmian Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) ke-29 di sini hari ini.

Dr. Mahathir adalah antara lima pemimpin Komanwel yang diberi penghormatan membuat ucapan balas pada majlis tersebut yang dihadiri



oleh 36 ketua kerajaan dari 47 buah negara termasuk Perdana Menteri Britain, John Major.

Seperti yang dijangkakan, Perdana Menteri tetap membangkitkan isu Bosnia pada CHOGM kali ini walaupun ia kurang disenangi oleh sesetengah negara anggota.

Soal Bosnia juga tidak termasuk dalam agenda utama sidang tersebut, bagaimanapun dengan penekanannya itu, Dr. Mahathir telah merintis jalan bagi perbincangan tertutup di peringkat ketua kerajaan.

Ucapan beliau yang disiarkan secara langsung oleh televisyen Cyprus dan turut mendapat liputan berpuluh-puluh stesen televisyen, telah mencuri perhatian ketua-ketua kerajaan dan para perwakilan yang memenuhi Pu-

sat Persidangan Antarabangsa, tempat berlangsungnya upacara penuh warna warni itu.

Dalam ucapan yang disampaikan dengan jelas dan penuh yakin, Dr. Mahathir berkata, wajarkah Komanwel yang telah merayu bantuan luar bagi membantu negara anggota yang memerlukan, mengabaikan tragedi di Bosnia dan mengambil sikap berdiam diri semata-mata kerana ia bukan hal ehwal pertubuhan itu.

Sebaliknya, kata beliau, Komanwel mampu memainkan peranan mencari penyelesaian isu Bosnia sebagaimana terbukti pencapaiannya kepada penghapusan dasar apartheid di Afrika Selatan yang kini dalam proses peralihan kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat.— *Utusan*.